

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kedudukan kesalahan kerana melanggar Perintah Kawalan Pergerakan dari segi bilangan yang dicaj, dikompaun, dibawa ke mahkamah, dipenjara dan diberi amaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 dan seterusnya diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sejak 4 Mei 2020. PKPB telah berakhir pada 9 Jun 2020 dan telah digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan atau PKPP yang bermula pada 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020. Sepanjang tempoh tersebut, individu yang telah dituduh di mahkamah kerana melanggar PKP adalah seramai 20,720 orang, individu yang telah dikenakan kompaun adalah sebanyak 10,875 dan individu yang dihantar ke penjara adalah seramai 3,723 orang.